

**Insiden MH370 Tidak Jejas Hubungan Malaysia-China - Najib  
Bernama  
Mei 29, 2014  
Oleh D. Arul Rajoo**

BEIJING (China), 29 Mei (Bernama) -- Hubungan erat Malaysia dengan China tidak terjejas ikutan insiden kehilangan pesawat Malaysia Airlines Penerbangan MH370, malah ia memberi peluang kepada kedua-dua negara mengukuhkan lagi hubungan diplomatik yang terjalin sejak 40 tahun lalu, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri mengakui ada kesan pada peringkat awal kehilangan pesawat itu pada 8 Mac lepas, namun ia tidak menghalang hubungan kedua-dua negara.

Hubungan baik dan suasana positif jelas terserlah dalam lawatan beliau ke negara ini, terutama ketika mesyuarat dua hala dengan delegasi China diketuai Perdana Menteri China, Li Keqiang di Great Hall of People di Beijing, Khamis.

"Wujud suasana menyenangkan dan positif semasa pertemuan kami dan ketika jamuan makan malam. Saya menjalinkan hubungan kerja yang amat baik dengan Perdana Menteri (China)," kata Najib pada sidang media bersama wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan enam hari beliau ke China bermula Selasa.

Najib berkata beliau telah menjemput Li untuk melawat Malaysia tahun ini.

Ditanya sama ada kerajaan China membangkitkan insiden MH370 pada mesyuarat dua hala itu, Najib berkata China memberikan komitmen untuk meneruskan kerjasama dan bantuan yang diberi sehingga fasa seterusnya seperti yang dipersetujui dalam perjanjian tiga pihak antara China, Malaysia dan Australia.

Penerbangan MH370 bersama 239 penumpang dan anak kapal hilang kira-kira sejam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada tengah malam 8 Mac lepas.

Hampir dua pertiga daripada penumpang pesawat itu adalah warganegara China.

Terdahulu, semasa berucap merasmikan mesyuarat dua hala itu, Li berkata China sedih dengan insiden itu dan ia bekerjasama rapat dengan Malaysia dan negara-negara lain dalam operasi mencari pesawat itu.

Katanya, China berharap Malaysia akan meneruskan operasi mencari itu bagi menentukan apa yang sebenarnya telah berlaku terhadap pesawat itu.

"Diharap Malaysia terus menerajui usaha mencari, jalankan siasatan serius terhadap insiden itu bagi memberikan kelegaan kepada keluarga dan waris," kata pemimpin China itu.

Li berkata tahun ini merupakan tahun yang penting kerana ia adalah ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik China dan Malaysia selain ia juga dipilih sebagai Tahun Pertukaran Persahabatan China-Malaysia.

"Orang tua di China kata, pada usia 40 tahun, seseorang itu tidak harus ada rasa ragu-ragu. Yang Amat Berhormat (Najib) mengadakan lawatan khas ke China pada ulang tahun ke-40 hubungan dua hala ini demi meraikan acara yang penting ini," kata beliau.

Li menceritakan peristiwa bersejarah 40 tahun lepas yang menyaksikan bapa Najib yang juga Perdana Menteri Kedua Tun Abdul Razak Hussein dan rakan sejawatannya Zhou Enlai menandatangani pernyataan bersama bagi menjalinkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

"Ia melakar era baharu dalam hubungan antara China dan Malaysia selain membuka pintu kepada hubungan diplomatik kedua-dua negara. Yang Amat Berhormat (Najib) telah meneruskan semangat dan legasi allahyarham bapa anda dan berusaha memperluaskan lagi persahabatan dan hubungan baik antara China dengan Malaysia," kata Li.

Malah, katanya, lawatan Najib bukan sahaja untuk memperingati peristiwa penting yang dilakar 40 tahun lepas, tetapi juga membantu kedua-dua negara membawa hubungan itu hingga ke masa hadapan.

Dalam ucapannya pula, Najib berkata beliau sememangnya menantikan lawatan ke China kerana ia adalah amat penting sempena ulang tahun ke-40 itu.

Menurutnya, apa yang lebih penting ialah mesej yang tersirat bahawa hubungan itu bukan sahaja berkembang sejak 40 tahun lepas malah ia melibatkan dua generasi pemimpin.

"Oleh itu, jika peribahasa China menyatakan selepas 40 tahun, anda tidak perlu ada rasa ragu, saya ingin menyatakan hakikatnya dua generasi pemimpin itu bukanlah hanya saya sahaja tetapi Datuk Seri Hishammuddin, sebagai contoh, adalah anak kepada Perdana Menteri Ketiga dan para pemimpin sebelum ini, kami semua berusaha gigih untuk menjadikan hubungan ini amat berjaya dan amat signifikan," kata beliau.

Sambil menyatakan lawatan itu adalah bukti kepada komitmen berterusan Malaysia, Najib menarik perhatian bahawa hala tuju hubungan dua hala kedua-dua negara telah ditetapkan semasa Presiden China Xi Jinping mengadakan lawatan ke Malaysia tahun lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1042570>